MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP
Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (524989-M)

The Observer

03.08.2018

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Perbezaan yang ketara di antara penyata kewangan yang diaudit dan belum diaudit bagi tahun kewangan yang sama seringkali mengejutkan para pelabur. Ia memerlukan tindakan yang lebih serius oleh Bursa Malaysia.

Pelabur sering membuat keputusan pelaburan berdasarkan keputusan suku tahunan yang belum diaudit.

Mereka mengharapkan keputusan kewangan yang berintegriti. Oleh itu, jika keputusan suku tahunan yang sudah diaudit dan belum diaudit ibarat langit dengan bumi, pelabur terpaksa berdepan perubahan harga saham yang ketara.

Menurut Syarat Penyenaraian, perbezaan melebihi 10% dianggap ketara dan syarikat perlu membuat pengumuman bagi menjelaskan perbezaan ini.

Asdion Berhad, pada 31 Julai 2018, melaporkan perbezaan melebihi 10% (atau lebih tepat, perbezaan 107.55%) di antara penyata kewangan yang diaudit dan belum diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018.

Tetuan Grant Thornton Malaysia adalah Juruaudit Luar Syarikat.

Kami ingin tahu sama ada Juruaudit Luar sudah melakukan 'semakan terhad' terhadap keputusan suku tahunan sebelum ia dikeluarkan. Semakan begini adalah amalan biasa yang diterima pakai oleh syarikat tersenarai supaya menepati keperluan juruaudit luar dan bagi meminimumkan risiko kejutan apabila tiba masa untuk audit berkanun. Jika semakan terhad sudah dilaksanakan, adakah Juruaudit Luar memaklumkan terlebih dahulu potensi rosotnilai dan perubahan dalam penyata kewangan?

Asdion melaporkan kerugian selepas cukai dan kepentingan minoriti yang belum diaudit berjumlah RM2,346,515 dalam penyata kewangan Syarikat yang belum diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018 (yang diumumkan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") pada 25 Mei 2018) manakala dalam Penyata Kewangan Syarikat yang Diaudit, kerugian selepas cukai dan kepentingan minoriti berjumlah RM4,870,137.

Terdapat perbezaan sebanyak RM2,523,622 dalam amaun ini di antara penyata kewangan Syarikat yang belum diaudit dan yang sudah diaudit. Perbezaan ini mewakili sisihan sebanyak 107.55%.

Syarikat juga mengumumkan perbezaan ini disebabkan pelarasan yang dibuat kepada penyata kewangan Syarikat yang diaudit bagi tahun berakhir 31 Mac 2018:

1. Kejejasan nilai daripada Asdion Logistics Sdn Bhd, sebuah anak syarikat yang berjumlah kira-kira RM1,500,000; dan

2. Perubahan berikutan pembelian murah berpunca daripada Kumpulan Maxillion sebanyak RM1,566,325.

Nota penjelasan syarikat mengenai perbezaan ini adalah seperti berikut:

1. Rosotnilai penghutang dan penghutang lain masing-masing berjumlah RM1,384,442 dan RM81,761.

2. Kepentingan tak mengawal pada tarikh pengambilalihan berjumlah RM1,564,443.

Pengawal selia biasanya akan melihat sebab perbezaan ini dan akan bertanya, "Adakah seorang pengarah yang munasabah akan mengiktiraf rosotnilai dan peruntukan ini dan menyelaraskannya dalam keputusan suku tahun yang tidak diaudit?"

Jawapan kepada soalan di atas akan menentukan sama ada syarikat perlu dikenakan sekatan, dan jika ya, jenis dan tahap sekatan itu.

Walau bagaimanapun, perbezaan yang ketara memang memeranjatkan syarikat pelaburan.

Sudah tiba masanya Bursa Malaysia mengkaji semula sekatan yang dikenakan ke atas syarikat apabila terdapat perbezaan ketara antara penyata kewangan yang belum diaudit dan yang sudah diaudit.

Salam,

Devanesan

3 Ogos 2018

PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA

APFT BHD ("APFT" ATAU "SYARIKAT")

Berikutan pengumuman bertarikh 18 Julai 2018 berkaitan pemfailan Kenyataan Tuntutan terhadap bekas Pengarah, Dato' Faruk bin Othman ("Dato' Faruk"), Syarikat pada 31 Julai 2018 telah mengumumkan butiran tuntutan yang dibuat terhadap Pengarah tersebut. Dalam pengumuman itu, dinyatakan bahawa Dato' Faruk adalah penandatangan tunggal untuk semua akaun bank sepanjang beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi Eksekutif Syarikat. Pengumuman juga menyatakan Pihak Pengurusan memutuskan untuk tidak melibatkan pakar audit forensik untuk menyiasat kes ini disebabkan faktor kos.

[Sumber: Pengumuman APFT di laman web Bursa Malaysia pada 31 Julai 2018]

KOMEN MSWG:

Tugas mengendalikan akaun bank sesebuah syarikat adalah tugas dan tanggungjawab penting kerana ia melibatkan pengeluaran wang tunai. Oleh itu, syarikat perlu melaksanakan kawalan dalaman yang mantap bagi meminimumkan risiko penipuan yang mungkin menyebabkan Syarikat mengalami kerugian besar.

Salah satu ciri kawalan dalaman utama adalah berkaitan konsep 'semak dan imbang'. Maknanya, dalam konteks ini, perlu ada sekurang-kurangnya dua penandatangan untuk akaun bank. Syarikat yang mempunyai seorang penanda tangan untuk semua akaun bank memberi kuasa berlebihan untuk mengeluarkan wang tunai kepada seorang individu dan ia sangat berisiko. Keadaan ini bertambah buruk jika penandatangan tunggal ini juga memegang jawatan Pengerusi Eksekutif, sebuah jawatan yang memiliki kuasa tanpa had.

Kami terkejut dan terfikir bagaimana perkara ini boleh berlaku dalam syarikat tersenarai yang disyaratkan supaya melakukan perkara berikut:

- Melaksanakan fungsi audit dalaman untuk mengkaji semula tadbir urus, risiko dan kawalan dalam Syarikat.
- Mempunyai Jawatankuasa Audit untuk menyelia kerja-kerja yang dilakukan oleh juruaudit dalaman
- Menggunakan khidmat Juruaudit luar yang mana salah satu tugas utama mereka ialah menilai kawalan dalaman kewangan untuk menentukan tahap pergantungan yang boleh diletakkan pada integriti penyata kewangan
- Mempunyai rangka kerja pengurusan risiko yang secara berterusan mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurus risiko penting yang mempengaruhi perniagaan Syarikat.
- Melantik pengarah bebas dalam jawatankuasa audit dan di peringkat lembaga.

Kami tidak pasti sama ada mana-mana pihak telah menyuarakan risiko Pengerusi Eksekutif sebagai penandatangan tunggal untuk semua akaun bank.

Atau adakah ini disebabkan Lembaga didominasi oleh pemegang saham utama yang juga Pengerusi Eksekutif Syarikat?

Kami berpendapat Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas hal ini, terutama pengarah bebas. Mereka perlu bertanggungjawab ke atas kelemahan asas dalam kawalan dalaman yang menyebabkan penyalahgunaan dana dan kerugian besar kepada Syarikat.

Perkara yang membingungkan dan sangat membimbangkan adalah keputusan Syarikat, seperti yang dinyatakan dalam pengumuman iaitu pihak Pengurusan memutuskan untuk tidak melibatkan pakar audit forensik untuk menyiasat kes ini disebabkan kos yang terlibat walaupun berlaku penipuan dan penyelewengan dana. Adakah Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan tidak berminat untuk menyiasat perkara ini hingga ke akar umbi serta mendapatkan pengajaran daripada gambaran sebenar kejadian ini?

Bagaimanakah Syarikat akan memastikan keberkesanan dan fungsi kawalan dalaman dan rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan, pada masa hadapan? Bagaimanakah audit dalaman dan jawatankuasa audit memainkan peranan pengawasan dan pemantauan mereka bagi mengelakkan penipuan pada masa akan datang? Inilah isu yang memerlukan perhatian segera daripada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Syarikat.

MAXWELL INTERNATIONAL HOLDINGS BHD ("MAXWELL" ATAU "SYARIKAT")

Pada 25 April 2018 Syarikat mengumumkan ia tidak dapat menyerahkan Laporan Tahunannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 kepada Bursa Malaysia Securities Bhd ("Bursa Sekuriti") dan pemegang saham sebelum 30 April 2018 seperti yang dikehendaki di bawah Perenggan 9.23(1) Syarat Penyenaraian Pasaran Utama ("MMLR") Bursa Securities. Penangguhan itu disebabkan Syarikat dan Juruaudit Luar memerlukan lebih banyak masa untuk menyiapkan Laporan Tahunan. Pengurusan di China bekerjasama rapat dengan juruaudit luar untuk mempercepatkan penyediaan Laporan Tahunan 2017.

Oleh kerana Syarikat gagal mengeluarkan/ mengumumkan Laporan Tahunan 2017 dalam tempoh 5 hari pasaran dari tempoh masa yang ditetapkan iaitu 30 April 2018, dagangan saham Syarikat digantung pada 10 Mei 2018.

Pada 31 Mei 2018, Syarikat sekali lagi mengumumkan mereka masih belum dapat menerbitkan atau mengemukakan Laporan Tahunannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 kepada Bursa Malaysia Securities Bhd dan pemegang saham. Ini disebabkan Syarikat berhadapan masalah aliran tunai untuk menyelesaikan dan memuktamadkan audit Kumpulan bagi tahun kewangan yang sama. Pengumuman terbaru pada 31 Julai 2018 menyatakan Syarikat masih mengalami masalah aliran tunai, menyebabkan penerbitan laporan tahunan masih lagi tertangguh.

Pihak pengurusan telah mengambil langkah dan tindakan berikut bagi mempercepatkan penyiapan dan penamatan audit Kumpulan:

(i) Mencari pelabur berpotensi bagi mendapatkan dana untuk Syarikat

(ii) Mengadakan mesyuarat tetap dengan Lembaga untuk mencari dan mendapatkan pembiayaan bagi menyelesaikan audit

[Sumber: Pengumuman MAXWELL di laman web Bursa Malaysia pada 31 Julai 2018]

KOMEN MSWG:

Kami pernah berhadapan segelintir syarikat yang beribu pejabat di China yang tidak dapat mengeluarkan laporan tahunan mereka tepat pada masanya.

Walau bagaimanapun, penangguhan penerbitan laporan tahunan yang disebabkan oleh masalah aliran tunai yang dihadapi oleh Syarikat bukan perkara biasa. Kami juga bingung memikirkan apakah hubungan antara penerbitan laporan tahunan dan masalah aliran tunai yang dihadapi oleh Syarikat?

Adakah Syarikat ingin memberi tahu juruaudit enggan menyiapkan audit luar kerana Syarikat tidak dapat membayar yuran audit? Walau bagaimanapun, masalah aliran tunai yang dimaksudkan itu boleh dipertikaikan kerana keputusan suku tahunan bagi tempoh berakhir 31 Mac 2018 (belum diaudit) menunjukkan Kumpulan mempunyai baki 'tunai dan tunai setara' berjumlah RM344.9 juta – langsung tidak menggambarkan senario sebuah syarikat yang mempunyai masalah aliran tunai. Jelas sekali, ada banyak persoalan yang memerlukan maklum balas Syarikat.

Menurut Perenggan 9.28 (6) MMLR, jika Maxwell gagal menyerahkan Laporan Tahunan dalam tempoh 6 bulan dari tamat tempoh masa yang diberikan, prosedur penyahsenaraian akan dimulakan terhadap Maxwell.

Pengumuman pada 31 Mei 2018, 29 Jun 2018 serta yang terkini pada 31 Julai 2018, menyatakan Pengurusan telah bermesyuarat dengan Lembaga untuk mengambil langkah mencari bakal pelabur bagi mendapatkan pembiayaan kepada Syarikat bagi menyiapkan audit.

Memandangkan Syarikat telah menamatkan operasi sejak 2017 dan Syarikat kini berhadapan beberapa kes litigasi, adakah Syarikat yakin akan mendapat pelabur berpotensi sebelum tarikh akhir penyerahan laporan tahunan iaitu 31 Oktober 2018, untuk mengelakkan penyahsenaraian?

Sekiranya langkah yang diambil gagal, apakah tindakan Lembaga bagi pihak syarikat untuk menangani isu potensi penyahsenaraian?

Untuk maklumat semua pihak yang berkenaan, pemegang saham utama memegang 58.33% saham biasa dalam Syarikat (pada 31 Mac 2017). Pemegang saham utama juga adalah Presiden dan Pengarah Eksekutif Syarikat.

Syarikat disenaraikan di Bursa Malaysia pada 6 Januari 2011. Harga IPO adalah RM0.54 sesaham dan harganya menyusut sehingga harga semasa iaitu 1 sen sesaham. Aset bersih sesaham pada 31 Mac 2018 ialah RM0.66.

SAPURA ENERGY BERHAD ("SEB" ATAU "SYARIKAT")

Pada 27 Julai 2018, Lembaga Pengarah Sapura Energy Berhad mengumumkan semakan semula komposisi Jawatankuasa Ganjaran Lembaga seperti berikut:

1. YBhg Dato' Hamzah Bakar (Pengerusi, Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
2. Encik Mohamed Rashdi Mohamed Ghazalli (Ahli, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
3. YBhg Datuk Muhamad Noor Hamid (Ahli, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif); dan
4. YBhg Datuk Ramlan Abdul Rashid (Ahli, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif).

[Sumber: Pengumuman SEB di laman web Bursa Malaysia pada 27 Julai 2018]

KOMEN MSWG:

Jawatankuasa Ganjaran Lembaga sekarang terdiri daripada majoriti pengarah bukan eksekutif bebas, seperti yang termaktub dalam panduan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Sebelum ini, Jawatankuasa ini terdiri daripada seorang (1) pengarah bukan eksekutif bukan bebas, yang merupakan Pengerusi jawatankuasa, seorang (1) pengarah bukan eksekutif bebas dan seorang Pengarah Eksekutif merangkap Ketua/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

MSWG berharap dengan komposisi baharu ini, Jawatankuasa akan mengkaji semula dasar berkaitan ganjaran termasuk antara lain, penjajaran kepentingan Pengurusan dengan pemegang saham.

UTUSAN MELAYU (*MALAYSIA*) BERHAD ("UTUSAN")

INGKAR PEMBAYARAN MENURUT PERENGGAN 9.19A SYARAT PENYENARAIAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

Pada 1 Ogos 2018, UTUSAN mengumumkan ia telah mengingkari pembayaran balik prinsipal dan keuntungan berjumlah RM2,960,799.89 kepada Affin Islamic Bank Berhad pada 31 Julai 2018. Syarikat tidak dapat memenuhi obligasi untuk membayar balik disebabkan kekangan kewangan dan gagal membayar keuntungan dan pembayaran pokok kepada bank. UTUSAN berhasrat untuk mengemukakan cadangan untuk menyusun semula Kemudahan Pinjaman Berjangka dengan Bank. Di samping itu, UTUSAN juga sedang berusaha menyusun semula semua kemudahan pinjamannya supaya selaras dengan pelan transformasi perniagaan syarikat.

[Sumber: Pengumuman UTUSAN di laman web Bursa Malaysia pada 1 Ogos 2018]

KOMEN MSWG:

Kegagalan membayar pinjaman oleh penerbit tersenarai adalah kebimbangan yang besar kerana Syarikat mungkin berisiko diklasifikasikan sebagai penerbit PN17 melainkan syarikat tersenarai dapat memberikan perisytiharan kesolvenan kepada Bursa.

Lembaga Pengarah Syarikat mengumumkan pihak Syarikat dapat menyerahkan Perisytiharan Kesolvenan kepada Bursa Securities selaras Perenggan 9.19A (4) daripada Syarat Penyenaraian Pasaran Utama yang menyatakan Syarikat adalah solven atas dasar aset dan hartanah Syarikat yang

dipegang oleh Syarikat, yang telah dicagarkan sebagai sekuriti untuk kemudahan Pinjaman Berjangka, mempunyai nilai pasaran melebihi jumlah yang belum dibayar kepada Bank.

Walaupun Syarikat menyatakan ia sedang berusaha menyusun semula semua kemudahan pinjamannya, pihak Pengurusan perlu mengawasi keadaan dengan cermat, khususnya aliran tunai bagi memastikan tiada lagi kegagalan pembayaran hutang.

Berdasarkan keputusan suku tahunan terkini untuk tempoh pengumuman tiga bulan berakhir 31 Mac 2018, Syarikat terus menanggung kerugian selepas cukai berjumlah RM5.845 juta. Bagi suku tahun sebelumnya yang berakhir 31 Disember 2017, Kumpulan mengalami kerugian selepas cukai sebanyak RM5.214 juta.

Pada 31 Disember 2017, kerugian terkumpul Kumpulan berjumlah RM65.5 juta berbanding modal saham terbitannya RM161.4 juta. Di peringkat Syarikat, kerugian terkumpul berjumlah RM148.5 juta berbanding modal saham terbitan sebanyak RM161.4 juta. Keadaan kewangan ini semakin parah dengan liabiliti semasa bersih berjumlah RM117.9 juta dan RM120.8 juta di peringkat Kumpulan dan Syarikat.

Melihat keadaan kewangan yang lemah ini, tidakkah ia mewajarkan juruaudit bebas untuk memasukkan penekanan terhadap perkara yang menarik perhatian kepada ketidakpastian ketara yang berkaitan usaha berterusan dalam laporan juruaudit bebas kepada penyata kewangan Syarikat dan anak-anak syarikatnya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017?

TINJAUAN MINGGUAN AGM MSWG UNTUK TEMPOH 6 HINGGA 10 OGOS 2018

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
06.08.18 (Isnin) 9.00 pagi	Pansar Bhd (AGM)	Hotel Tanahmas, Sibu, Sarawak

Beberapa perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	**Perkara/ Isu Untuk Diketengahkan**
Pansar Bhd (AGM)	2018 merupakan tahun cemerlang bagi Bahagian Elektrik dan Mekanikal Kumpulan dengan peningkatan pendapatan sebanyak 59.4% (halaman A3 Laporan Tahunan 2018). Dapatkah pertumbuhan pendapatan ini bertahan? Adakah Lembaga bercadang untuk mengembangkan perniagaan bahagian ini dalam tempoh beberapa tahun akan datang?

PASUKAN MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, devanesan@mswg.org.my

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat, rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat, banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, norhisam@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat, linnert.hoo@mswg.org.my
Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat, elaine.choo@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, cheemeng@mswg.org.my
Abdul Halim Alias, Pengurus, Pemantauan Korporat, halim.alias@mswg.org.my
Mustaqim Yusof, Penganalisa Kanan, Khidmat Korporat, mustaqim.yusof@mswg.org.my

---

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi APFT Bhd, Maxwell Internatinal Holdings Bhd dan Petaling Tin Berhad.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke corporateservices@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.